

U B163 AAB
MAHATHIR - IRAQ 2'2'2'2'

SEREMBAN, 17 OGOS (BERNAMA) -- PERMINTAAN RAJA AL-MALIK FAHD AGAR MALAYSIA MENGHANTAR TENTERANYA KE ARAB SAUDI UNTUK MEMBANTU PERTAHANKAN NEGARA ITU DARIPADA KEMUNGKINAN SERANGAN IRAQ AKAN DIRUJUK KEPADA KABINET UNTUK PERTIMBANGAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETAKAT INI KERAJAAN BELUM MENGAMBIL APA-APA PENDIRIAN BERHUBUNG PERMINTAAN TERSEBUT.

WAKIL KHAS RAJA AL-MALIK FAHD, SHAIK ABDUL AZIS MENYAMPAIKAN PERMINTAAN ARAB SAUDI ITU KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH SEMALAM.

+UTUSAN RAJA ARAB SAUDI ITU DISAMPAIKAN KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG. APABILA SAYA TERIMA (PERMINTAAN ITU), SAYA AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KABINET UNTUK PERTIMBANGAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS) DI SINI HARI INI.

KETIKA BERTIALOG DENGAN PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK MAHU MEMIHAK KEPADA SESIAPAPUN DALAM KRISIS DI TELUK TETAPI IA MEMAHAMI MASALAH YANG SEDANG DIHADAPI OLEH ARAB SAUDI. -- LAGI

2021MST 17 08 90

U B164 AAB
MAHATHIR - IRAQ 2 SEREMBAN 2 2 2

+KITA TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA NEGARA. PENDIRIAN KITA IALAH KITA BERSAMA-SAMA DENGAN ISLAM,+ KATANYA.

IRAQ DAN IRAN JUGA PERNAH MEMINTA SOKONGAN MALAYSIA SEMASA KEDUA-DUA NEGARA ITU BERPERANG SEJAK LAPAN TAHUN YANG LEPAS TETAPI MALAYSIA TIDAK MAHU MENYOKONG SEBARANG PEPERANGAN ANTARA ORANG ISLAM, KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA, MALAYSIA MUNGKIN BERTINDAK SEPERTI ARAB SAUDI SEKIRANYA IA MENGHADAPI ANCAMAN KUASA LAIN.

SAMBIL BERKATA BAHAWA MALAYSIA BERSIMPATI DENGAN ARAB SAUDI, PERDANA MENTERI MENJELASKAN BERKATA WALAUPUN MALAYSIA BERSEDIA MENGHANTAR TENTERA KE ARAB SAUDI, KEKUATAN TENTERA NEGARA INI TIDAKLAH SAMA BERBANDING DENGAN TENTERA IRAQ YANG BERJUMLAH KIRA-KIRA SEJUTA ORANG.

BELIAU BERPENDAPAT IRAQ HARUS BERUNDUR DARI KUWAIT DAN NEGARA-NEGARA ARAB PULA HENDAKLAH BERUNDING UNTUK MENYELESAIKAN APA JUA MASALAH SESAMA MEREKA. -- LAGI

2025MST 17 08 90

U B165 AAB
MAHATHIR - IRAQ 3 SEREMBAN 9 9 9

SEMASA DITANYA OLEH PEMBERITA MENGENAI KEDUDUKAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA PROF SYED HUSSEIN ALATAS YANG DIKATAKAN AKAN MELETAKKAN JAWATANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI PENJELASANNYA DI SHAH ALAM SEMALAM BAHAWA SETAHUNYA NAIB CANSOLOR ITU MENGAMBIL CUTI SELAMA DUA BULAN.

+BANYAK ORANG BUAT SPEKULASI TETAPI SETAKAT YANG SAYA TAHU PERKARA ITU TIDAK BENAR, MELAINKAN ADA SESUATU DIBUAT TANPA PENGETAHUAN SAYA,+ KATANYA.

APABILA DITANYA ADAKAH KERAJAAN AKAN MENERIMA PERLETAKAN JAWATAN ITU JIKA PROF SYED HUSSEIN MAHU BERBUAT DEMIKIAN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK MEMINTANYA BERHENTI TETAPI JIKA NAIB CANSOLOR ITU BENAR-BENAR MAHU BERHENTI, KERAJAAN TIDAK ADA KUASA UNTUK MENAHANNYA.

DALAM UCAPAN KEPADA PARA PENYOKONG BN, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA, ANGGOTA PARTI HENDAKLAH MENYOKONG CALON BN TANPA MENGIRA PARTI CALON BERKENAAN.

+SIAPA SAHAJA YANG DILETAKKAN MENJADI CALON MESTI DISOKONG. JANGAN DIPERSOALKAN LAGI...KALAU TIDAK MUNGKIN KITA AKAN MENGHADAPI KEKALAHAN,+ KATANYA.

KATANYA, ANGGOTA PARTI HENDAKLAH SEDAR BAHAWA MEREKA BERADA DALAM BN BUKAN KERANA TOKOH TERTENTU TETAPI KERANA PERCAYA HANYA BN YANG BOLEH MENJAMIN MASA DEPAN RAKYAT.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR DATUK HAJI ISA ABDUL SAMAD, PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC DATUK SERI S.SAMY VELLU, PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT DAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI PESAKA BERSATU SARAWAK (PBB) DATUK ALFRED JABU. -- BERNAMA
2033MST 17 08 90